

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	Ihsan <i>Kesungguhan</i>	11	Keadilan (Al-Adalah) / Persamaan (Al Musawwah)
2	Estetika <i>Keindahan</i>	12	Keadilan (Al-Adalah) / Persamaan (Al Musawwah)
3	Ekonomi <i>ilmu</i>	13	Al- Khianah
4	Dinamik <i>din</i>	14	Al-Baladah
5	Allah SWT <i>reda</i>	15	Diat Berat
6	Ijmak <i>Kesepakatan</i>	16	Diat Ringan
7	Qisas <i>hukum</i>	17	X
8	Keselamatan	18	X
9	Al-Bai' Bithaman Ajil <i>angsuran</i>	19	✓ <i>Prinsip asas</i>
10	Al-Musyarakah <i>reken longi</i>	20	✓



** Menguasai topik*

BAHAGIAN B

NO SOALAN		JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	Dua rukun iman ialah: P1-Beriman kepada Allah SWT. P2-Beriman kepada Malaikat. P3-Beriman kepada Rasul. P4-Beriman kepada Kitab. P5-Beriman kepada Hari Kiamat. <i>(Akhirat)</i> P6-Beriman kepada Qadak dan Qadar.	2 isi x 1m =2 markah
	(b)	(i) Satu nama Allah SWT yang mampu memulihkan semula semangat Salwa ialah: P1- Ar Rahman P4- Al Fattah P2- Ar Rahim P5- Al- Wakil P3- Al -Jabbar P6- Al- Latif *Mana- mana jawapan munasabah diterima.	1 isi x 1m =1 markah
		(ii) Sebab saya memilih nama Ar Rahman ialah kerana kasih sayang Allah sentiasa mendahului kemurkaan-Nya (1m) walaupun kita diuji dengan ujian berat. (1m) *Mana- mana jawapan munasabah diterima	1 isi x 2m =2 markah
		(iii) Konsep akidah yang mengandungi aspek di atas ialah: - Ilahiyyah	1 isi x 1m =1 markah
		(iv) Penghayatan terhadap Asma' al Husna dapat membentuk peribadi murid yang teguh dan cemerlang di dunia dan akhirat kerana mampu membina ketabahan dan daya juang tinggi. (F/1M) Hal ini kerana dapat membantu murid bangkit daripada kegagalan (H1/1M) sehingga mampu melahirkan sifat gigih berusaha. (H2/1M) Oleh itu kita hendaklah yakin kepada Allah agar mampu mencapai kejayaan. (K/1M) *Mana- mana jawapan munasabah diterima	F= 1M H1=1M H2= 1M K = 1M J=4M
	(c)	Konsep ibadah yang mampu meneguhkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT ialah: P1-Keikhlasan menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah SWT (1m) kerana benar- benar berfokus kepada reda Allah SWT. (1m) P2-Kewajipan menuruti perintah yang disyariatkan (1m) agar tidak mengada- adakan ibadah. (1m) P3-Tujuan hidup manusia adalah untuk beribadah kepada Allah SWT (1m) dengan penuh ketaatan. (1m) P4-Ibadah melibatkan segala kegiatan manusia (1m) dari segi rohani dan jasmani. (1m)	1 isi x 2m =2 markah
	(d)	Dua prinsip asas sistem ekonomi Islam ialah: P1-Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras. P2-Manusia sebagai khalifah. P3-Pekerjaan dan ganjaran. P4-Keuntungan dan kerugian. P5-Keadilan sosial. P6-Larangan kerosakan dan kezaliman.	2 isi x 1m =2 markah

NO SOALAN		JAWAPAN	MARKAH
(e)	(i)	Dua ciri pekerjaan menurut Islam ialah: P1-Pekerjaan yang halal (1m) seperti guru. (1m) P2-Menurut kehendak syariat (1m) agar semua urusan diberkati Allah SWT. (1m) P3-Menjaga ketenteraman awam (1m) agar tidak mengganggu kesejahteraan orang lain. (1m) P4-Memastikan keselamatan diri dan orang lain (1m) agar bebas daripada kemudaratan. (1m) P5-Mengambil berat tentang ibadah (1m) seperti menunaikan zakat. (1m)	2 isi x 2m =4 markah
	(ii)	Implikasi hidup tanpa pekerjaan ialah: P1-Jiwa resah (1m) kerana kesempitan wang. (1m) P2-Dibenci masyarakat (1m) kerana sering meminta kepada masyarakat. (1m) P3-Berlaku masalah sosial (1m) seperti budaya lepak. (1m) P4-Berlaku masalah jenayah (1m) seperti mencuri. P5-Merugikan tenaga kerja (1m) yang boleh menyebabkan ekonomi merosot. (1m) P6-Ekonomi merosot (1m) disebabkan hilang sumber pendapatan. (1m) <i>individu / masyarakat / Negara</i>	1 isi x 2m =2 markah

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
2	(a)	(i)	Maksud insan ialah: Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal (1m) dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam. (1m)	1 isi x 2m =2 markah <i>Akal Abdi Melakmur</i>
		(ii)	Empat keistimewaan insan: P1- Dikurniakan akal fikiran. P2- Diberikan kitab sebagai panduan. P3- Diberi tanggungjawab sebagai khalifah. P4- Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing.	4 isi x 1m =4 markah
	(b)		Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap pendidikan ialah: P1- Melaksanakan masyarakat madani yang bertakwa (1m) agar kesejahteraan hidup terbina. (1m) P2- Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang (1m) demi mencapai kejayaan hidup yang cemerlang. (1m) P3- Melahirkan tenaga pakar (1m) untuk mentadbir dan memakmurkan alam ini. (1m)	2 isi x 2m =4 markah
	(c)	(i)	Dua asas sistem perundangan selain pencengahan ialah: P1- Pembalasan P2- Pemulihan	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Kepentingan melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan manusia ialah: P1- Menjamin akidah umat Islam daripada terpesong (1m) seperti tiada unsur-unsur syirik, kufur dan sebagainya. (1m) P2- Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa (1m) seperti bunuh diri. (1m) P3- Memastikan akal manusia terpelihara daripada perkara-perkara yang merosakkan pemikiran (1m) seperti meminum arak. (1m) P4- Melahirkan zuriat yang halal (1m) hasil daripada perkahwinan yang mengikut syarak. (1m) P5- Memperoleh harta secara halal (1m) tanpa berlaku pencerobohan harta. (1m)	2 isi x 1m =2 markah
	(d)	(i)	Dua contoh bahan yang membawa kepada produk tersebut haram digunakan ialah: P1- Lemak babi dan yang berkaitan dengannya. P2- Alkohol yang dilarang. P3- Najis. P4- Uri. *Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Faktor yang mendorong ialah keinginan mendapatkan kecantikan luaran secara cepat (F/1M) hingga membelakangkan hukum syarak (H/1M). Hal ini kerana mudah terpedaya dengan iklan yang keterlaluan. (HL/ 1M) Oleh itu, setiap muslim hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan yang luas tentang konsep halal supaya kesucian agama dan maruah diri terjaga. (K/1M) *Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.	F- 1M H- 1M HL- 1M K- 1M J= 4M

NO SOALAN		JAWAPAN	MARKAH
3	(a)	Dua keistimewaan Sistem Sosial Islam ialah: P1-Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. P2-Menjaga hak asasi manusia. P3-Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera. P4-Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia.	2 isi x 1m =2 markah
	(b)	(i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, situasi ini berlaku kerana: P1-Tiada persefahaman antara suami dan isteri. P2-Sifat mementingkan diri sendiri. P3-Mengejar kemewahan hidup. P4-Hilang rasa sayang dan hormat antara satu sama lain. P5-Kecurangan dalam rumah tangga. *Mana-mana jawapan munasabah diterima	1 isi x 1m =1 markah
		(ii) Tindakan terbaik ketua keluarga bagi mengatasi masalah ini ialah ketua keluarga wajiblah menjalankan tanggungjawab dengan baik (F/1M) seperti memberi nafkah yang cukup. (H1/1M) Ini menjadikan kehidupan keluarga harmoni (H2/1m) kerana saling sayang menyayangi dan menghormati antara satu sama lain. (H3/1M) Oleh itu setiap pemimpin keluarga hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu rumah tangga yang mantap agar hidup diredai Allah. (K/1M) Cadangan Isi Lain: P2-Mengamalkan ajaran agama. P3-Sentiasa bersabar dan bertolak ansur. P4-Mengamalkan komunikasi yang baik. P5-Menunjukkan kasih sayang dan hormat. *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	F = 1M H1 = 1M H2 = 1M H3 = 1M K = 1M J = 5M
	(c)	Dua asas pergaulan dalam Islam: P1-Saling mengenali. (Ta'aruf) P2-Saling memahami. (Tafahum) P3-Saling bekerjasama. (Ta'awun)	2 isi x 1m =2 markah
	(d)	(i) Maksud pengurusan Islam ialah : Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.	1 isi x 2m =2 markah
		(ii) Empat ciri pentadbiran dan pengurusan Islam: P1-Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. P2-Mengamalkan konsep syura dalam pentadbiran. P3-Melaksanakan keadilan untuk semua pihak. P4-Memastikan hak kebebasan kepada setiap individu agar terpelihara mengikut panduan syarak. P5-Mengeratkan ukhuwah dalam pengurusan yang berteraskan nilai akhlak. P6-Mematuhi dan menghormati peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dalam sesebuah organisasi.	4 isi x 1m =4 markah
		(iii) Dua kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam kepada negara: P1-Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien dan efektif (1m) serta menjadi contoh kepada negara lain. (1m) P2-Membolehkan segala urusan dilaksanakan (1m) secara teratur dan menepati syarak.(1m) P3-Meneladani tadbir urus negara (1m) seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. (1m)	2 isi x 2m =4 markah



NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4	(a)	(i)	Maksud akhlak menurut Islam ialah: Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan(1m) tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.(1m)	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua proses penyucian jiwa untuk mendapatkan akhlak mulia ialah: P1-Mengosongkan jiwa daripada sifat buruk (1m) seperti riak.(1m) P2-Bermatlambat mencari keredaan Allah SWT (1m) agar bahagia dunia dan akhirat.(1m) P3-Menghias jiwa dengan sifat-sifat terpuji(1m) seperti amanah. (1m) P4-Mengindahkan pekerti melalui kelakuan lahiriah(1m) seperti beradab sopan. (1m)	2 isi x 2m =4 markah
	(b)		Empat prinsip pandangan hidup Islam selain Thabat dan Murunah ialah: P1-Rabbaniyyah. P2-Syumulyyyah. P3-Alamiyyah. P4-Waq'iyyah.	1 isi x 1m =4 markah
	(c)	(i)	Maksud muamalat dalam sistem kewangan Islam ialah: Tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing (1m) melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.(1m)	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua jenis muamalat yang bertujuan membantu orang yang memerlukan pembiayaan tunai segera atau perkhidmatan ialah: P1-Al-Rahnu. P2-Al Ijarah.	2 isi x 1m =2 markah
	(d)	(i)	Dua institusi kewangan selain daripada institusi tersebut ialah: P1-Perbankan Islam. P2-Takaful. P3-Zakat. P4-Wakaf. P5-Baitulmal.	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Kelebihan insituti tersebut terhadap umat Islam ialah Tabung Haji menyediakan platform simpanan patuh syariah (F/1M) yang selamat dan terancang (H1/1M) supaya umat Islam boleh mengumpul wang secara konsisten untuk menunaikan haji (H2/1M). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan sistem kewangan Islam agar hidup menepati syariat Allah. (K/1M) Cadangan Isi Lain: P2-Pengurusan haji yang sistematik. P3-Pelaburan patuh syariah. P4-Memberi pulangan. (hibah/deviden) P5-Menjaga kebajikan jemaah. P6-Menguatkan ekonomi umat Islam melalui pelaburan. P7-Pendidikan dan kesedaran ibadah.	F= 1M H1=1M H2= 1M K = 1M J=4M
*Mana- mana jawapan munasabah diterima.				

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
5	(a)	(i)	Maksud wahyu : Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT.	2 markah
	(b)	(i)	Dua contoh perlakuan yang membawa kebinasaan sebagaimana maksud ayat di atas ialah: P1-Zina P5- Rasuah P2-Homoseksual P6- Pecah amanah P3-Lesbian P7- Merosakkan alam sekitar P4-Riba P8- Merompak *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Kesan yang akan berlaku sekiranya masalah tersebut tidak dibasmi dan dipandang remeh oleh umat Islam ialah: P1-Mudah terjebak dengan dosa dan kemaksiatan (1m) yang mengundang kemurkaan Allah SWT. (1m) P2-Hilang ketenangan jiwa (1m) kerana jauh daripada petunjuk Allah SWT. (1m) P3-Hidup tanpa panduan (1m) lalu membuat keputusan berdasarkan kehendak diri semata-mata. (1m) *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	1 isi x 2m =2 markah
		(iii)	Cara mengatasi masalah lemah penghayatan al-Quran sebagai remaja muslim : Melazimi amalan membaca al-Quran setiap hari secara istiqamah (F1/1M) supaya petunjuknya dapat meresap ke dalam jiwa (H1/1M). Hal ini akan membawa kepada kesuburan iman disamping melembutkan hati untuk menerima kebenaran (H2/1M). Kesimpulannya, seorang remaja muslim hendaklah sentiasa membudayakan al-Quran dalam kehidupan agar sentiasa mendapat bimbingan wahyu. (K/1M). Contoh Isi : P2-Mengikuti kelas pengajian al-Quran dan tafsir. P3-Mengamalkan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan harian. P4-Memilih rakan yang mencintai al-Quran. P5-Mengurangkan pengaruh hiburan melampau dan media sosial. P6-Menyertai program keagamaan dan aktiviti al-Quran. *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	F= 1M H1=1M H2= 1M K = 1M J=4M
	(c)		Dua matlamat sistem kehakiman Islam : P1-Menegakkan keadilan sejagat (1m) tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama/ agar sesiapa yang terbukti bersalah dapat dihukum dengan adil. (1m) P2-Menentang kezaliman (1m) yang boleh menggugat keamanan masyarakat. (1m) P3-Membela orang yang dizalimi (1m) agar maruah, harta benda dan nyawa mereka dikembalikan haknya. (1m)	2 isi x 2m =4 markah
	(d)	(i)	Maksud takzir ialah: Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.	2 markah



NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
	(ii) Dua bentuk hukuman bagi kesalahan takzir : P1-Nasihat / teguran. P2-Ancaman / pemuluan. P3-Pengisytiharan umum. P4-Denda / merampas harta.(sita) P5-Sebat. P6-Buang daerah. P7-Penjara.	2 isi x 1m =2 markah
	(e) Peranan pembuktian dalam prosedur mensabitkan keterangan : Kesalahan dibuktikan melalui bahan atau alat tertentu berkaitan kes (1m) seperti ujian asid deoksiribonukleik (DNA), senjata, kesan jari dan sebagainya. (1m) *Mana-mana jawapan munasabah diterima.	2 isi x 1m =2 markah

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
6	(a)	(i)	Maksud hiburan dalam Islam ialah sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan mengembirakan hati seseorang (1m) yang selari dengan kehendak syarak. (1m)	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua adab yang mesti dipatuhi oleh mereka sepanjang program tersebut ialah: P1-Lagu yang dinyanyikan boleh meningkatkan keimanan. P2-Menjaga nilai akhlak Islam. P3-Berhibur secara sederhana / tidak melampaui batas. P4-Tiada unsur yang merosakkan akidah / maksiat. P5-Tidak mengganggu orang lain.	2 isi x 1m =2 markah
	(b)	(i)	Dua contoh kesenian dalam Islam ialah: P1-Seni khat. P2-Seni fesyen. P3-Seni seramik. P4-Seni fotografi. *Mana- mana jawapan munasabah diterima.	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Dua konsep kesenian dalam Islam ialah: P1-Mengagungkan Allah SWT (1m) agar tidak memberi berlebihan mengagumi manusia. (1m) P2-Berteraskan syariat Islam (1m) agar tidak melampaui batas. (1m) P3-Meliputi aspek iman dan akhlak (1m) agar tidak membawa kepada rosaknya pegangan hidup sebagai seorang muslim. (1m) P4-Bersifat menyeluruh (1m) iaitu meliputi fizikal dan kerohanian. (1m) P5-Membangun potensi umat Islam (1m) agar dipandang mulia oleh manusia lain. (1m)	2 isi x 2m =4 markah
		(iii)	Dua sebab kesenian di atas boleh membawa kepada kesenian yang bertentangan dengan syariat Islam apabila: P1-Ukiran menyerupai benda hidup (1m) seperti manusia. (1m) P2-Jalan cerita berbentuk pemujaan (1m) mirip kepada dewa hindu. (1m) P3-Cerita yang melalaikan (1m) dengan mitos. (1m) * Mana-mana jawapan munasabah diterima.	2 isi x 2m =4 markah
	(c)	(i)	Dua ciri khalifah dalam sistem pemerintahan Islam ialah: P1-Fizikal yang sihat dan sempurna. P2-Pengetahuan yang luas. P3-Mempunyai keyakinan diri. P4-Mengetahui matlamat organisasi. P5-Memiliki semangat yang kuat. P6-Cekap membuat keputusan. P7-Bersifat rasional. P8-Bersikap adil. P9-Menguasai teknik-teknik berkomunikasi. P10-Mampu bertindak sebagai penasihat.	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Pegangan prinsip di atas dapat menangani isu penghinaan kepada raja dan pemimpin kerana dapat memupuk sifat taat dan akur kepada pemimpin (F/1M) selagi tidak bercanggah dengan syariat. (H1/1M) Kesannya keadaan negara akan lebih harmoni. (H2/1M) Oleh itu kita hendaklah berusaha menjadi rakyat yang baik agar negara beroleh kesejahteraan. (K/1M) *Mana- mana jawapan munasabah diterima.	F= 1M H1=1M H2= 1M K = 1M J=4M

